



KREDIT MIKRO

PEMBIAYAAN UNTUK USAHAWAN MIKRO & KATEGORI B40



PENGELUARAN



PEMROSESAN



PEMASARAN



PERKHIDMATAN



Pembiayaan hingga **RM150,000.00***



Kadar keuntungan serendah **3% setahun***



Tiada cagaran dan penjamin diperlukan

PENGENALAN

Kredit Mikro adalah skim kemudahan pembiayaan yang ditawarkan melalui Agrobank di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan Pakej Perlindungan Rakyat & Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) kepada komuniti usahawan mikro dan kategori B40.

KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia.
- Berumur sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) tahun hingga enam puluh lima (65) tahun semasa permohonan.
- Perniagaan telah dijalankan sekurang-kurangnya selama enam (6) bulan.
- Tidak diisytiharkan bankrap.
- Tidak mempunyai rekod kegagalan pembayaran kredit dengan mana-mana institusi kewangan.

AKTIVITI PERNIAGAAN YANG LAYAK DIBIYAI

Membiyai aktiviti berasaskan pengeluaran makanan yang merangkumi keseluruhan rantaian pembekalan bermula dari pengeluaran hasil sumber makanan (seperti aktiviti penanaman, ternakan dan penangkapan ikan), pemprosesan, pengedaran, pemasaran dan perkhidmatan penyediaan makanan yang terjejas akibat pandemic COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan oleh pihak kerajaan.

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- Borang Permohonan Kemudahan pembiayaan yang lengkap.
- Salinan kad pengenalan pemohon dan pemohon bersama (sekiranya berkenaan, bagi permohonan bersama).
- Penyata akaun simpanan bank atau rekod jualan perniagaan bagi tempoh enam (6) bulan terkini.
- Salinan Pendaftaran Perniagaan atau Lesen Perniagaan bagi perniagaan yang melibatkan premis tetap.

HAD PEMBIAYAAN

- Had maksimum pembiayaan RM150,000.00.
- Had pembiayaan hingga 100% daripada keseluruhan kos tetap termasuk modal pusingan kerja dan tertakluk kepada penilaian kredit.

PRODUK PATUH SYARIAH BERASASKAN KONSEP TAWARRUQ

Tawarruq terdiri daripada dua (2) kontrak jual beli.

- Transaksi pertama melibatkan penjualan komoditi oleh penjual kepada pembeli secara tangguh.
- Transaksi kedua melibatkan pembeli kepada jualan yang pertama akan menjual komoditi tersebut kepada pihak ketiga.



Leboh Pasar Besar, 50726,

Kuala Lumpur Malaysia

Tel: +603 2731 1600

Faks: +603 2691 7790

E-mel:

customer@agrobank.com.my

- Pelanggan adalah dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan produk seperti di bawah:
 - i. Pusat Panggilan Agrobank: 1-300-88-2476.
 - ii. Layari laman sesawang rasmi Bank di www.agrobank.com.my.
 - iii. Kunjungi cawangan Bank yang berdekatan dengan mematuhi Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara.

* Tertakluk pada terma dan syarat